



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PENGUASAAN FRASA AL-IDĀFAH DALAM KALANGAN PELAJAR  
JURUSAN PENGAJIAN ISLAM UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN  
TERENGGANU***

**SHEKARMA BINTI ABDULLAH**

**FBMK 2014 66**



**PENGUASAAN FRASA *AL-IDĀFAH* DALAM  
KALANGAN PELAJAR JURUSAN PENGAJIAN  
ISLAM UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN  
TERENGGANU**

**SHEKARMA BINTI ABDULLAH**

**MASTER SASTERA  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**2014**



**PENGUASAAN FRASA *AL-IDĀFAH* DALAM KALANGAN PELAJAR  
JURUSAN PENGAJIAN ISLAM UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN  
TERENGGANU**

Oleh

**SHEKARMA BINTI ABDULLAH**


**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

**Ogos 2014**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia





Tesis ini ditujukan khas untuk anakanda tercinta

Muhammad Daniel bin Mohd. Shazani

Qistin Adlin binti Mohd. Shazani

Muhammad Adam bin Mohd. Shazani

© COPYRIGHT

UPM

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
Sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

**PENGUASAAN FRASA *AL-IDĀFAH* DALAM KALANGAN PELAJAR  
JURUSAN PENGAJIAN ISLAM UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN  
TERENGGANU**

Oleh

**SHEKARMA BINTI ABDULLAH**

Ogos 2014

**Pengerusi: Che Radiah binti Mezah, PhD**  
**Fakulti: Bahasa Moden dan Komunikasi**

Penguasaan frasa sesuatu bahasa adalah sangat penting dalam memperkukuhkan lagi penguasaan bahasa itu sendiri. Keupayaan untuk memahami sesuatu bahasa boleh terjejas tanpa penguasaan yang mantap dalam struktur sintaksis sesuatu frasa seperti frasa *al-idāfah*. Pelbagai kajian telah melaporkan tentang kelemahan para pelajar dalam penguasaan frasa. Justeru, kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap penguasaan dan juga pola kesalahan para pelajar Diploma Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), kampus Gong Badak, Terengganu, dalam frasa *al-idāfah*, serta mengenal pasti sama ada terdapat hubungan signifikan secara statistik antara jenis jurusan pengajian Islam pelajar peringkat diploma dengan penguasaan frasa *al-idāfah*. Selain daripada itu, ia juga bertujuan mengenal pasti sama ada terdapat hubungan signifikan secara statistik antara perbezaan jantina pelajar dengan penguasaan frasa *al-idāfah*. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang dijalankan melalui kaedah tinjauan deskriptif yang dinamakan tinjauan keratan lintang. Satu set soalan ujian bertulis berkaitan dengan frasa *al-idāfah* telah diuji kepada 186 orang responden kajian, daripada 302 orang populasi kajian. Data-data yang telah diperolehi, dianalisis melalui dua jenis kaedah penganalisan data, iaitu analisis deskriptif dan juga analisis inferensi. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti pelajar berada pada tahap rendah (lemah) dalam penguasaan frasa *al-idāfah*, rentetan daripada wujudnya pelbagai pola kesalahan penggunaan frasa *al-idāfah* pada domain ujian yang kedua, ketiga, keempat dan kelima dalam set soalan ujian frasa *al-idāfah*. Keputusan ujian ANOVA menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik antara pelajar-pelajar Diploma Pengajian Islam (Bahasa dan Kesusasteraan Arab) dan juga para pelajar dalam jurusan-jurusan pengajian Islam yang lain dalam penguasaan frasa *al-idāfah*. Keputusan ujian Mann-Whitney U juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik antara pelajar perempuan dan juga pelajar lelaki dalam penguasaan frasa *al-idāfah*. Dapatan-dapatan kajian yang telah

diperoleh akan menyumbang kepada peningkatan dan juga penambahbaikan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu khususnya dan di Institusi Pengajian Tinggi yang lain umumnya.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in  
fulfilment of the requirement for the degree of Master of Arts

**PROFICIENCY OF *AL-IDĀFAH* PHRASE AMONG ISLAMIC STUDIES  
STREAM STUDENTS OF UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN  
TERENGGANU**

By

**SHEKARMA BINTI ABDULLAH**

**August 2014**

**Chair: Che Radiah binti Mezah, PhD**  
**Faculty: Modern Languages and Communication**

Proficiency of phrases in every language is very important in order to be well-versed in the language itself. The ability to understand the language becomes worse without a good proficiency of understanding the syntax of a phrase, such as *al-idāfah* phrase. Many research have reported about the weaknesses of understanding phrases. Hence, the objectives of this research is to identify the level of proficiency of *al-idāfah* phrase and also the types of error of this phrase, among the Islamic studies stream students of Faculty of Islamic Contemporary Studies, of Universiti Sultan Zainal Abidin, Gong Badak Campus, Terengganu. Besides, the objective of this research is to identify whether there is a significance difference between field of studies (Diploma) and the proficiency of *al-idāfah* phrase. Furthermore, it also identify whether there is a significance difference between gender and proficiency of *al-idāfah* phrase. This research is a quantitative research which applied a descriptive survey named *cross-sectional survey*. One set of written *Al-Idāfah* Phrase Test has been tested to 186 respondents of 302 population. These collective data have been analysed through two ways of analysis; descriptive statistical techniques, and inferential statistical techniques. Generally, the output shows that the majority of the students are at the lowest level (weak) of the proficiency of *al-idāfah* phrase, as a consequence of present of various *al-idāfah* phrase errors on the second, third, fourth and fifth domain of *Al-Idāfah* Phrase Test. The output of ANOVA Test shows that there is a significance difference between students of Diploma in Islamic Studies (Arabic and Arab Literature) and also the other students of Islamic studies streams, in understanding *al-idāfah* phrase. The output of Mann-Whitney U Test also shows that there is a significance difference between female and male students in understanding *al-idāfah* phrase. The outputs of the research will contribute an enhancement and improvement in teaching and learning process of Arabic language of Faculty of Islamic Contemporary Studies, of Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu and other institutions of higher education.



## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbir sekalian alam. Selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad S.A.W dan keluarga baginda serta para sahabatnya.

Alhamdulillah, saya bersyukur kepada Allah Yang Maha Esa kerana dengan izin-Nya, yang telah mempermudah setiap urusan saya dalam menyiapkan penulisan tesis ini.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada para penyelia saya, iaitu Dr. Che Radiah binti Mezah, Dr. Ab. Halim bin Mohamad, dan juga Prof. Madya Dr. Kamarul Shukri bin Mat Teh, di atas setiap usaha mereka yang tidak pernah bertepi dalam mencurahkan ilmu kepada saya dalam menyempurnakan penulisan tesis ini.

Sekalung penghargaan juga daripada saya untuk para penyelia, di atas sumbangan idea, pandangan dan cadangan, kritikan-kritikan membina dan juga banyak menghulurkan bantuan kepada saya dalam mendapatkan bahan-bahan rujukan untuk menyempurnakan tesis saya ini.

Jutaan terima kasih sekali lagi kepada Prof. Madya Dr. Kamarul Shukri bin Mat Teh, di atas perkongsian ilmu-ilmu statistik penyelidikan menerusi perbincangan-perbincangan dan juga seminar-seminar yang dianjurkan oleh pihak Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), yang telah banyak membuka minda saya untuk memahami, menghayati serta melaksanakan penyelidikan ini dengan lebih yakin terutamanya dalam penyelidikan kuantitatif.

Sekalung penghargaan juga saya tujukan khusus kepada Dr. Ashinida binti Aladdin, dan juga Prof. Madya Dr. Zamri bin Arifin, pensyarah daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Madya Dr. Ahmad Mahmood bin Musanif, Prof. Madya Dr. Abd. Rauf bin Hassan, dan juga Dr. Nik Farhan binti Mustapha, pensyarah daripada Universiti Putra Malaysia (UPM), di atas sumbangan ilmiah beliau dalam proses menyempurnakan penulisan tesis saya ini.

Di samping itu, terima kasih yang tidak terhingga juga saya tujukan buat pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) dan juga pihak UniSZA yang telah

menawarkan Hadiah Latihan di bawah Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) kepada saya.

Kepada pihak UPM juga jutaan terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk menyambung pengajian di peringkat sarjana ini. Seterusnya, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak perpustakaan UPM, perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan juga perpustakaan UniSZA, yang banyak membantu saya dalam mendapatkan bahan-bahan rujukan untuk menyempurnakan penulisan tesis ini.

Di samping itu, secara khususnya saya tujukan ucapan ribuan terima kasih saya kepada para pensyarah UniSZA yang telah banyak berjasa kepada saya, seperti Prof. Madya Dr. Engku Ahmad Zaki bin Engku Alwi, Dr. Mustafa bin Che Omar, Ustazah Sharifah Hamadiyah binti Syed Husin, Ustazah Zainab binti Abdullah, Ustaz Mahadi bin Abu Bakar, Dr. Sharifah Norshahbani binti Syed Bidin, Ustazah Noor Anida binti Awang, Ustazah Norhayati binti Che Hat, Ustazah Kasimah binti Kamaruddin, Dr. Zurita binti Mohd Yusoff, Ustazah Siti Fatimah binti Salleh, Ustazah Shuhaida Hanim binti Mohamad Suhane, Puan Mairas binti Abdul Rahman, Cik Nurshafawati binti Ahmad Sani, Dr. Normadiyah binti Daud, Dr. Noor Eliza binti Abdul Rahman, Ustazah Normila binti Noruddin, Ustaz Mohd Rahim bin Ariffin, Ustaz Ahmad Farid bin Ibrahim, Dr. Mohd Shafiee bin Hamzah, Dr. Muhammad Zaid bin Ismail, dan Ustaz Mohd Adnan bin Ishak.

Tidak dilupakan juga kepada para pensyarah, pelajar dan juga kakitangan yang lain di UniSZA, UPM, UIAM, dan juga Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), yang secara langsung dan juga tidak langsung telah memberi sokongan dan semangat yang padu kepada saya dalam mempergigihkan lagi usaha saya dalam menyiapkan tesis ini.

Kepada sahabat-sahabat saya di UPM, Nurul Huda binti Mohd Hashim dan juga Farah Hanan binti Aminallah, terima kasih kerana banyak berkongsi pengalaman dan ilmu yang berguna sepanjang tempoh pengajian ini. Tidak dilupakan juga kepada sahabat saya, Zarima binti Mohd. Zakaria, dan Suriatey binti Ramli. Sesungguhnya, saya doakan semoga Allah memberikan ganjaran yang terbaik kepada kita semua, in syāa Allah.

Juga sekalung penghargaan yang menggunung buat ayahanda dan bonda yang tercinta, Abdullah bin Mohd Noor dan Mariah binti Salleh, ibu mertua saya, Rogayah@Zaleha binti Jusoh, adik-beradik dan juga ipar duai saya yang dikasihi, serta saudara mara saya, yang telah banyak berkorban demi melihat kejayaan saya menyiapkan tesis ini.

Tidak dilupakan juga penghargaan ini ditujukan khas untuk diri saya sendiri, buat suami tercinta, Mohd. Shazani bin Mohamad Shakri, anakanda kami, Muhammad Daniel bin Mohd. Shazani, Qistin Adlin binti Mohd. Shazani, dan juga Muhammad Adam bin Mohd. Shazani, yang telah banyak menggemirakan dan juga menenangkan hati saya ketika saya dihimpit kesibukan dan pelbagai ujian sepanjang menyempurnakan penulisan tesis ini.

Akhir kata, sesungguhnya saya amat terhutang budi dengan semua yang terlibat dalam menyempurnakan penulisan tesis ini, dan saya doakan semoga kita semua akan mendapat kesejahteraan dan kecemerlangan hidup, keredhaan dan keberkatan yang berpanjangan di dunia ini dan di Akhirat kelak, in syāa Allah. *Āmīn Ya Rabbal 'Ālamīn.*



Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 7 Ogos 2014 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Shekarma binti Abdullah bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Penguasaan Frasa *Al-Idāfah* dalam Kalangan Pelajar Jurusan Pengajian Islam Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi Ijazah Master Sastera

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Ahmad Mahmood bin Musanif, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Abd. Rauf bin Hassan, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Nik Farhan binti Mustapha, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Zamri bin Arifin, PhD**

Profesor Madya  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Malaysia  
(Pemeriksa Luar)

---

**NORITAH OMAR, PhD**

Profesor Madya dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 23 Oktober 2014

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Che Radiah binti Mezah, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Ab. Halim bin Mohamad, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Kamarul Shukri bin Mat Teh, PhD**

Profesor Madya  
Pusat Pengajian Tamadun Arab dan Pendidikan Islam  
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam  
Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak  
(Ahli)

---

**BUJANG BIN KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/ fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: \_\_\_\_\_

## Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Che Radiah binti Mezah  
Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan

Nama Ab. Halim bin Mohamad  
Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Kamarul Shukri bin Mat Teh  
Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan

## ISI KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>PENGESAHAN</b>	vii
<b>PERAKUAN</b>	ix
<b>SENARAI JADUAL</b>	xv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xviii
<b>SENARAI KEPENDEKKAN</b>	xix
<b>PANDUAN TRANSLITERASI</b>	xx

### BAB

<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	1
1.3	Pernyataan Masalah	2
1.4	Objektif Kajian	3
1.5	Soalan Kajian	4
1.6	Hipotesis Kajian	4
1.7	Kepentingan Kajian	5
1.8	Batasan Kajian	6
1.8.1	Limitasi Bidang Kajian	6
1.8.2	Limitasi Subjek Kajian	6
1.8.3	Limitasi Lokasi Kajian	7
1.8.4	Limitasi Instrumen Kajian	7
1.9	Kesimpulan	7
<b>2</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>	8
2.1	Pengenalan	8
2.2	Definisi Frasa Bahasa Arab	8
2.3	Jenis Frasa Bahasa Arab	8
2.4	Definisi Frasa <i>Al-Idāfah</i>	9
2.5	Komponen Frasa <i>Al-Idāfah</i>	9
2.5.1	<i>Al-Muḍāf</i>	9
2.5.2	<i>Al-Muḍāf Ilaihi</i>	10
2.6	Hukum <i>Al-Muḍāf</i>	10
2.7	Hukum <i>I'rāb Al-Muḍāf</i>	10
2.7.1	Kasus Nominatif	11
2.7.2	Kasus Akusatif	11
2.7.3	Kasus Genitif	12
2.8	Teori Pengajaran Dan Pembelajaran Frasa	12



2.9	Kaedah Pengajaran Frasa Arab Yang Efektif Untuk Pelajar Asing	14
2.10	Permasalahan Pelajar Dalam Penguasaan Frasa Bahasa Arab	17
2.10.1	Pola Kesalahan Pelajar Dalam Frasa Bahasa Arab	17
2.10.2	Punca Kesalahan Pelajar Dalam Pembelajaran Frasa Bahasa Arab	18
2.11	Rumusan Sorotan Kajian	19
2.12	Kesimpulan	21
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	22
3.1	Pengenalan	22
3.2	Reka Bentuk Kajian	22
3.3	Populasi Dan Sampel Kajian	23
3.4	Instrumen Kajian	25
3.4.1	Tatacara Pembinaan Instrumen	26
3.4.2	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen	28
3.5	Set Soalan Ujian Frasa <i>Al-Idāfah</i>	28
3.5.1	Penentuan <i>Al-Mudāf</i> Dan <i>Al-Mudāf Ilaihi</i> Dalam Ayat (Soalan 1)	29
3.5.2	Pembinaan Ayat Berdasarkan Frasa <i>Al-Idāfah</i> (Soalan 2)	29
3.5.3	Pemenuhan Tempat Kosong Dengan <i>Al-Mudāf</i> Yang Sesuai Berdasarkan Ayat (Soalan 3)	29
3.5.4	Penentuan Kesalahan Penggunaan Frasa <i>Al-Idāfah</i> Dalam Ayat Dan Pembetulannya (Soalan 4)	30
3.5.5	Penggunaan Frasa <i>Al-Idāfah</i> Dalam Jawapan Berdasarkan Soalan Diberi (Soalan 5)	30
3.6	Tatacara Pemerolehan Data	30
3.6.1	Tatacara Pelaksanaan Ujian	30
3.6.2	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Pemeriksaan Skrip Jawapan	31
3.7	Tatacara Penganalisan Data	31
3.7.1	Analisis Deskriptif	32
3.7.2	Analisis Inferensi	35
3.8	Kesimpulan	36
<b>4</b>	<b>DAPATAN DAN PERBINCANGAN</b>	38
4.1	Pengenalan	38
4.2	Dapatan Kajian Dan Perbincangan	38
4.2.1	Skor Ujian Frasa <i>Al-Idāfah</i> (100 Markah)	38
4.2.2	Min Dan Sisihan Piawai Lima Domain Ujian Bagi Set Soalan Ujian Frasa <i>Al-Idāfah</i> (Soalan 1- Soalan 5)	41
4.2.3	Penentuan <i>Al-Mudāf</i> Dan <i>Al-Mudāf Ilaihi</i> Dalam	43

	Ayat (Soalan 1)	
4.2.4	Pembinaan Ayat Berdasarkan Frasa <i>Al-Idāfah</i> (Soalan 2)	44
4.2.5	Pemenuhan Tempat Kosong Dengan <i>Al-Mudāf</i> Yang Sesuai Berdasarkan Ayat (Soalan 3)	45
4.2.6	Penentuan Kesalahan Penggunaan Frasa <i>Al-Idāfah</i> Dalam Ayat Dan Pembetulannya (Soalan 4)	45
4.2.7	Penggunaan Frasa <i>Al-Idāfah</i> Dalam Jawapan Berdasarkan Soalan Diberi (Soalan 5)	46
4.2.8	Min Bagi Setiap Item Ujian Frasa <i>Al-Idāfah</i> (Soalan 1.1–Soalan 5.10)	47
4.2.9	Interpretasi Min Dan Sisihan Piawai Untuk Item Ujian Frasa <i>Al-Idāfah</i> Mengikut Kategori A1–Kategori A7	49
4.2.10	Interpretasi Min Dan Sisihan Piawai Untuk Item Ujian Frasa <i>Al-Idāfah</i> Mengikut Kategori B1–Kategori B7	54
4.2.11	Interpretasi Min Dan Sisihan Piawai Untuk Item Ujian Frasa <i>Al-Idāfah</i> Mengikut Kategori C1–Kategori C4	58
4.2.12	Interpretasi Min dan Sisihan Piawai Untuk Item Ujian Frasa <i>Al-Idāfah</i> Mengikut Kategori D1–Kategori D3	61
4.2.13	Keputusan Ujian Normaliti Data Dan Keputusan Ujian ANOVA	63
4.2.14	Keputusan Ujian Normaliti Data Dan Keputusan Ujian Mann-Whitney U	68
4.3	Kesimpulan	71
<b>5</b>	<b>RUMUSAN DAN CADANGAN KAJIAN</b>	<b>74</b>
5.1	Pengenalan	74
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	74
5.2.1	Tahap Penguasaan Frasa <i>Al-Idāfah</i>	74
5.2.2	Pola Kesalahan Dalam Frasa <i>Al-Idāfah</i>	76
5.2.3	Hubungan Antara Jenis Jurusan Pengajian Dengan Penguasaan Frasa <i>Al-Idāfah</i>	77
5.2.4	Hubungan Antara Perbezaan Jantina Pelajar Dengan Penguasaan Frasa <i>Al-Idāfah</i>	78
5.3	Cadangan Kajian	78
5.4	Sumbangan Kajian	80
5.5	Penutup	81
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>83</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>91</b>
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	<b>139</b>



© COPYRIGHT UPM

## SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
Jadual 3.1	Taburan Responden Kajian Berdasarkan Jurusan Pengajian	24
Jadual 3.2	Kerangka Pensampelan Kajian	24
Jadual 3.3	Taburan Responden Kajian Berdasarkan Jantina	25
Jadual 3.4	Taburan Item Set Soalan Ujian Frasa <i>Al-Idāfah</i>	26
Jadual 3.5	Pengredan Markah Terkini Universiti Sultan Zainal Abidin	27
Jadual 3.6	Penganalisan Data Berdasarkan Objektif Kajian/ Soalan Kajian/ Hipotesis Kajian	32
Jadual 3.7	Domain Ujian Pertama: Penentuan <i>Al-Mudāf</i> Dan <i>Al-Mudāf Ilaihi</i> Dalam Ayat (Soalan 1)	33
Jadual 3.8	Domain Ujian Kedua: Pembinaan Ayat Berdasarkan Frasa <i>Al-Idāfah</i> (Soalan 2)	34
Jadual 3.9	Domain Ujian Ketiga: Pemenuhan Tempat Kosong Dengan <i>Al-Mudāf</i> Yang Sesuai Berdasarkan Ayat (Soalan 3)	34
Jadual 3.10	Domain Ujian Keempat: Penentuan Kesalahan Penggunaan Frasa <i>Al-Idāfah</i> Dalam Ayat Dan Pembetulannya (Soalan 4)	35
Jadual 4.1	Bilangan Dan Peratusan Keputusan Ujian Frasa <i>Al-Idāfah</i>	39
Jadual 4.2	Interpretasi Tahap Skor Min Bagi Domain Ujian Pertama (Soalan 1)	41
Jadual 4.3	Interpretasi Tahap Skor Min Bagi Domain Ujian Kedua-Kelima (Soalan 2–Soalan 5)	42
Jadual 4.4	Interpretasi Min Dan Sisihan Piawai Lima Domain Ujian Bagi Set Soalan Ujian Frasa <i>Al-Idāfah</i>	42
Jadual 4.5	Penentuan <i>Al-Mudāf</i> Dan <i>Al-Mudāf Ilaihi</i> Dalam Ayat	43
Jadual 4.6	Pembinaan Ayat Berdasarkan Frasa <i>Al-Idāfah</i>	44
Jadual 4.7	Pemenuhan Tempat Kosong Dengan <i>Al-Mudāf</i> Yang Sesuai Berdasarkan Ayat	45

Jadual 4.8	Penentuan Kesalahan Penggunaan Frasa <i>Al-Idāfah</i> Dalam Ayat Dan Pembetulannya	46
Jadual 4.9	Penggunaan Frasa <i>Al-Idāfah</i> Dalam Jawapan Berdasarkan Soalan Diberi	46
Jadual 4.10	Interpretasi Tahap Skor Min Bagi Setiap Item Ujian Frasa <i>Al-Idāfah</i>	47
Jadual 4.11	Frekuensi (Dalam Peratusan), Min Dan Interpretasi Markah Untuk Setiap Item Ujian Frasa <i>Al-Idāfah</i>	47
Jadual 4.12	Interpretasi Tahap Skor Min Bagi Kategori A1–Kategori A7	50
Jadual 4.13	Interpretasi Min Dan Sisihan Piawai Untuk Item Ujian Frasa <i>Al-Idāfah</i> Mengikut Kategori A	50
Jadual 4.14	Interpretasi Tahap Skor Min Bagi Kategori B1–Kategori B7	54
Jadual 4.15	Interpretasi Min Dan Sisihan Piawai Untuk Item Ujian Frasa <i>Al-Idāfah</i> Mengikut Kategori B	55
Jadual 4.16	Interpretasi Tahap Skor Min Bagi Kategori C1–Kategori C4	58
Jadual 4.17	Interpretasi Min Dan Sisihan Piawai Untuk Item Ujian Frasa <i>Al-Idāfah</i> Mengikut Kategori C	58
Jadual 4.18	Interpretasi Tahap Skor Min Bagi Kategori D1–Kategori D3	61
Jadual 4.19	Interpretasi Min Dan Sisihan Piawai Untuk Item Ujian Frasa <i>Al-Idāfah</i> Mengikut Kategori D	61
Jadual 4.20	Ujian Normaliti Skor Ujian Frasa <i>Al-Idāfah</i> Berdasarkan Jurusan Pengajian	64
Jadual 4.21	Keputusan Ujian Levene	65
Jadual 4.22	Keputusan Ujian ANOVA Sehala ( <i>Descriptive</i> )	65
Jadual 4.23	Keputusan Ujian ANOVA Sehala	66
Jadual 4.24	Keputusan Ujian Post-Hoc Scheffe Berdasarkan Jurusan Pengajian	66
Jadual 4.25	Ujian Normaliti Skor Ujian Frasa <i>Al-Idāfah</i> Berdasarkan Jantina	69

Jadual 4.26	Keputusan Ujian Mann-Whitney U ( <i>Ranks</i> )	69
Jadual 4.27	Keputusan Ujian Mann-Whitney U ( <i>Test Statistics</i> )	70



## SENARAI LAMPIRAN

<b>Lampiran</b>		<b>Muka Surat</b>
Lampiran A:	Jadual Pola Kesalahan Frasa <i>Al-Idāfah</i>	91
Lampiran B:	Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie Dan Morgan (1970)	92
Lampiran C:	Jadual Pembahagian Domain Ujian Frasa <i>Al-Idāfah</i> Berdasarkan Kategori	93
Lampiran D:	Set Soalan Ujian Frasa <i>Al-Idāfah</i>	96
Lampiran E:	Surat Memohon Kebenaran Menjalankan Kajian Di Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)	107
Lampiran F:	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Di Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)	109
Lampiran G:	Skema Jawapan Set Soalan Ujian Frasa <i>Al-Idāfah</i>	111
Lampiran H:	Bilangan Dan Peratusan Keputusan Ujian Frasa <i>Al-Idāfah</i>	121
Lampiran I:	Interpretasi Skor Ujian Frasa <i>Al-Idāfah</i> Berdasarkan Gred	123
Lampiran J:	Frekuensi (Kekerapan Dan Peratusan) Untuk Setiap Item Ujian Frasa <i>Al-Idāfah</i> Mengikut Markah	124
Lampiran K:	Urutan Kekerapan Bagi Item Ujian Frasa <i>Al-Idāfah</i>	126
Lampiran L:	Kekerapan Item Kategori A-Kategori D Mengikut Markah	128
Lampiran M:	Jadual Perolehan Markah Pelajar Berdasarkan Jurusan Pengajian	132
Lampiran N:	Jadual Perolehan Markah Pelajar Berdasarkan Jantina	136

## SENARAI KEPENDEKKAN

Ab./Abd.	Abdul
ANOVA	<i>Analysis Of Variances Test</i>
DPI	Diploma Pengajian Islam
FKI	Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
GCE	<i>General Certification Of Education</i>
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
KEB	Kebangsaan
KPTM	Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
KUSZA	Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin
MEN	Menengah
N	Saiz Sampel Kajian
No.	Nombor
PASW	<i>Predictive Analytic Software</i>
PhD	Ijazah Tinggi Doktor Falsafah
Prof.	Profesor
S.A.W	صلى الله عليه وسلم
SEK	Sekolah
Sig.	Signifikan/ <i>Significance</i>
SLAB	Skim Latihan Akademik Bumiputera
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SMU (A)	Sekolah Menengah Ugama Arab
S.P	Sisihan Piawai
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	<i>Statistical Package For Social Science</i>
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
UDM	Universiti Darul Iman Malaysia
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UMT	Universiti Malaysia Terengganu
UniSZA	Universiti Sultan Zainal Abidin
UPM	Universiti Putra Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
YIK	Yayasan Islam Kelantan
%	Peratus



## PANDUAN TRANSLITERASI

### KONSONAN

HURUF ARAB	HURUF RUMI	HURUF ARAB	HURUF RUMI	HURUF ARAB	HURUF RUMI
ب	b	س	s	ك	k
ت	t	ش	sy	ل	l
ث	th	ص	s	م	m
ج	j	ض	d	ن	n
ح	h	ط	t	و	w
خ	kh	ظ	z	ه	h
د	d	ع	'	ء	'
ذ	dh	غ	gh	ي	y
ر	r	ف	f	ة	t
ز	z	ق	q		

### VOKAL DAN DIFTONG

VOKAL PENDEK		VOKAL PANJANG		DIFTONG	
اَ	a	آ	ā	أَيَّ	ay
إِ	i	إِي	ī	أَوَّ	aw
أُ	u	أُو	ū		

Rujukan:

Wikipedia, Ensiklopedia Bebas. (2014). *Wikipedia: Transliterasi Arab-Rumi*. Dalam talian [http://ms.wikipedia.org/wiki/Wikipedia:Transliterasi\\_Arab-Rumi](http://ms.wikipedia.org/wiki/Wikipedia:Transliterasi_Arab-Rumi). (19 Ogos 2014).

# **BAB SATU**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Bahasa Arab adalah antara bahasa utama dunia yang juga merupakan bahasa teras kepada anutan dan pengamalan ajaran Islam. Ia telah bertapak di Malaysia sejak kemasukan Islam ke Tanah Melayu lagi. Pengajarannya juga berlaku seiring dengan pengajaran dan perkembangan agama Islam itu sendiri. Ia telah melalui pelbagai peringkat bermula daripada peringkat tidak formal kepada peringkat yang lebih formal, dan daripada peringkat individu sehinggalah peringkat Institusi Pengajian Tinggi (Mohammad, 2008; Mat Taib, 2008).

### **1.2 Latar Belakang Kajian**

Para sarjana bahasa Arab berpendapat bahawa bahasa Arab di Malaysia bukanlah sekadar bahasa asing, malah merupakan bahasa kedua selepas bahasa Melayu, setanding dengan bahasa Inggeris. Ini kerana, bagi masyarakat Malaysia khususnya orang Melayu, bahasa Arab tidak lagi dianggap sebagai suatu bahasa yang asing dalam kehidupan dan pertuturan harian mereka (Abu Khudairiyy, 1994; Mat Taib, 2008; Abd. Rauf, 2010). Apatah lagi pelajar yang mempelajari bahasa Arab, sekalipun ia diiktiraf sebagai bahasa asing dalam konteks pembelajaran bahasa di Malaysia, pada hakikatnya, bahasa Arab bukanlah suatu bahasa yang asing kepada masyarakat Melayu di Malaysia (Nik Farhan, 2010).

Sehubungan dengan itu, dapat dirumuskan bahawa bahasa Arab telah menjadi satu bahasa yang ketiga terpenting di Malaysia selepas bahasa ibunda, iaitu bahasa Melayu dan diikuti oleh bahasa asing yang kedua terpenting di Malaysia, iaitu bahasa Inggeris. Kedudukan bahasa Arab di Malaysia juga sudah hampir sama kepentingannya dengan bahasa Inggeris, kerana secara khususnya setiap individu mempunyai kesedaran yang tinggi tentang kepentingan memartabatkan penggunaan bahasa Arab ini sama ada melalui pengajaran ataupun pembelajaran di peringkat sekolah mahupun peringkat universiti.

Namun demikian, tahap kemahiran berbahasa dalam kalangan pelajar yang telah menamatkan pelajarannya di sekolah menengah adalah rendah kerana mereka masih gagal membaca dengan betul daripada segi tatabahasa dan sebutan huruf serta tidak mampu membina ayat yang betul mengikut kaedah sebenar bahasa Arab (Ishak, 1992).

Rentetan daripada kelemahan dalam penguasaan bahasa Arab ini, ia memberikan implikasi kepada pembelajaran di peringkat pengajian tinggi, sedangkan pembelajaran yang melibatkan Pengajian Islam dan bahasa Arab di peringkat ini amat memerlukan tahap kemahiran dan penguasaan yang tinggi (Kamarul Shukri, 2009a).

### 1.3 Pernyataan Masalah

Dalam proses pengajaran bahasa asing, pengajar sememangnya sentiasa menghadapi masalah untuk memberi kefahaman kepada pelajar tentang ciri bahasa tersebut terutamanya bagi bahasa yang mempunyai ciri yang kompleks dan jauh berbeza dengan bahasa ibunda pelajar. Contohnya, pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa ketiga kepada pelajar Melayu. Ini ditambah pula dengan kompleksiti ciri kategori nahuan bahasa Arab (*Grammatical Categories*) yang mengambil kira pelbagai elemen seperti genus (*gender*), bilangan (*singular, dual, plural*), kala (*tense*), dan juga fungsi kasus (*cases*) yang amat penting dalam setiap pembinaan kata dan juga ayat bahasa Arab sehingga menyukarkan pelajar untuk memahaminya (Naimah, 2010). Dewasa ini, kelemahan pelajar di institusi pengajian tinggi dalam menguasai bahasa Arab amat ketara dalam aspek-aspek seperti perbendaharaan/kosa kata, *ṣarf*/morfologi, *naḥw*/sintaksis, dan juga *uṣlūb* (Mat Taib, 2008).

Selain daripada itu, antara kesukaran yang jelas dihadapi oleh pelajar ialah kesukaran yang berpunca daripada struktur sintaksis bahasa Arab. Walaupun mereka telah mempelajari bahasa Arab selama beberapa tahun, tetapi masih jelas terbukti kesalahan melalui penggunaan bahasa mereka sama ada daripada aspek penulisan mahupun komunikasi (Abdul Wahab, 1995; Ab. Halim & Mohd Zulkifli, 2009; Anzaruddin, 2008; Mohd. Zaki & Che Radiah, 2010).

Sehubungan dengan itu, kebanyakan pelajar sememangnya menghadapi masalah dan kesukaran dalam memahami dan mengaplikasikan penggunaan frasa dalam penulisan, pembacaan dan perbualan mereka sama ada dalam frasa nama (*al-murakkab al-ismī*), frasa kerja (*al-murakkab al-fi'li*), mahupun frasa sendi nama (*al-murakkab al-jarrī*) (Ab. Halim, 2002). Kelemahan penguasaan bahasa Arab ini bukan sahaja berlaku dalam kalangan pelajar UniSZA, malah di institusi-institusi pengajian tinggi yang lain juga, contohnya Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) (Kamarul Shukri, 2009a).

Sepertimana yang telah dibincangkan, masalah penguasaan bahasa Arab ini bukanlah sekadar di peringkat persekolahan sahaja, malah ia juga melibatkan peringkat yang lebih tinggi, iaitu peringkat universiti. Implikasi daripada kelemahan penguasaan bahasa Arab umumnya, dan penguasaan frasa khususnya, ia sememangnya menggugat pemahaman dan penguasaan pelajar dalam memahami dan menguasai *naṣ al-qur'ān* dan juga *al-hadīth* serta teks-teks keagamaan, selain daripada objektif

pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab juga tidak dapat dicapai kerana bahasa Arab adalah bahasa teras dalam pengajian Islam.

Seseorang pelajar terlebih dahulu perlu mempelajari dan menguasai frasa Arab dengan baik, untuk menguasai kemahiran bahasa Arab itu sendiri, sama ada daripada segi penulisan, pembacaan dan percakapan kerana frasa merupakan konstituen bagi sesuatu ayat. Kebanyakan pelajar menghadapi masalah dalam membentuk sesuatu ayat bahasa Arab walaupun mereka telah banyak mempelajari nahu Arab. Implikasinya banyak ayat yang dihasilkan penuh dengan kesalahan nahu daripada segi frasa khususnya (Ab. Halim, 2002).

Sehubungan dengan itu, berdasarkan kajian Ab. Halim (2002) dan Ashinida (1998), antara pola kesalahan frasa *al-idāfah* yang berlaku dalam kalangan pelajar adalah seperti, (1) meletakkan partikel *أل* *al-ta'rif* pada *al-mudāf*, (2) menggabungkan partikel *أل* *al-ta'rif* dan juga *al-domīr* dalam satu frasa, (3) menggugurkan ataupun tidak meletakkan partikel *أل* *al-ta'rif* pada *al-mudāf ilaihi* sekiranya ia berada dalam keadaan *ma'rifah*, ataupun tidak *mentanwinkan al-mudāf ilaihi*, sekiranya ia berada dalam keadaan *nakirah*, dan juga (4) mengabaikan hukum-hukum ataupun perubahan-perubahan yang tertentu dalam frasa *al-idāfah*, yang sepatutnya berlaku pada *al-mudāf* dan *al-mudāf ilaihi*, yang mengakibatkan berlakunya kekeliruan antara penggunaan frasa *al-idāfah* dan frasa *al-na'at* (rujuk Lampiran A).

Sehubungan dengan itu, tidak dinafikan juga bahawa tidak menggugurkan *nūn al-tathniyah* dan *nūn jam' al-muzakkar al-sālim* pada *al-mudāf* adalah merupakan sebahagian daripada pola kesalahan dalam frasa *al-idāfah*, selain daripada kesalahan *i'rāb al-mudāf ilaihi* itu sendiri (Ashinida, 1998).

Bertitik tolak daripada pelbagai permasalahan ini, dapat difahami bahawa sebelum seseorang individu dapat menguasai sesuatu bahasa, individu tersebut mestilah menguasai aspek frasa terlebih dahulu, untuk membina sesuatu ayat yang bebas daripada kesalahan, selain daripada penguasaan dalam perbendaharaan kata ataupun kosa kata, *ṣarf* ataupun morfologi, *naḥw* ataupun sintaksis, dan juga *uṣlūb* ataupun gaya bahasa itu sendiri.

#### 1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan mencapai objektif-objektif berikut:

- 1- Menenal pasti tahap penguasaan pelajar Diploma Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), dalam frasa *al-idāfah*.

- 2- Mengenal pasti pola-pola kesalahan dalam frasa *al-idāfah* berdasarkan Ujian Frasa *Al-Idāfah* yang dijalankan kepada para pelajar Diploma Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).
- 3- Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan signifikan secara statistik antara jenis jurusan pengajian Islam pelajar peringkat diploma dengan penguasaan frasa *al-idāfah*.
- 4- Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan signifikan secara statistik antara perbezaan jantina pelajar dengan penguasaan frasa *al-idāfah*.

### 1.5 Soalan Kajian

Kajian ini cuba menjawab beberapa persoalan kajian yang tidak dapat dinafikan mempunyai perkaitan dengan permasalahan yang berlaku dalam kalangan pelajar. Antara persoalan-persoalan tersebut ialah:

- 1- Apakah tahap penguasaan pelajar Diploma Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), dalam frasa *al-idāfah*?
- 2- Apakah pola-pola kesalahan dalam frasa *al-idāfah* berdasarkan Ujian Frasa *Al-Idāfah* yang dijalankan kepada para pelajar Diploma Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)?
- 3- Adakah terdapat hubungan signifikan secara statistik antara pelajar-pelajar mengikut jenis jurusan pengajian Islam peringkat diploma dengan penguasaan frasa *al-idāfah*?
- 4- Adakah terdapat hubungan signifikan secara statistik antara perbezaan jantina pelajar dengan penguasaan frasa *al-idāfah*?

### 1.6 Hipotesis Kajian

Dua hipotesis kajian telah dibentuk. Hipotesis kajian yang pertama dibentuk untuk menjawab soalan kajian yang ketiga. Hipotesis tersebut adalah seperti berikut:

### **Hipotesis Alternatif (1):**

Terdapat perbezaan signifikan secara statistik pada penguasaan frasa *al-idāfah* berdasarkan jenis jurusan pengajian Islam peringkat diploma.

### **Hipotesis Nol (1):**

Tiada perbezaan signifikan secara statistik pada penguasaan frasa *al-idāfah* berdasarkan jenis jurusan pengajian Islam peringkat diploma.

Hipotesis kajian yang kedua pula dibentuk untuk menjawab soalan kajian yang keempat. Hipotesis tersebut adalah seperti berikut:

### **Hipotesis Alternatif (2):**

Terdapat perbezaan signifikan secara statistik pada penguasaan frasa *al-idāfah* berdasarkan perbezaan jantina pelajar.

### **Hipotesis Nol (2):**

Tiada perbezaan signifikan secara statistik pada penguasaan frasa *al-idāfah* berdasarkan perbezaan jantina pelajar.

## **1.7 Kepentingan Kajian**

Kajian ini penting untuk dilaksanakan kerana ia dapat memberi peluang kepada para pelajar UniSZA khususnya, membuktikan kemampuan mereka dalam penguasaan frasa *al-idāfah*, bersesuaian dengan tujuan penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab amnya, dan frasa *al-idāfah* khususnya.

Selain daripada itu, kajian ini juga mempunyai implikasi yang mendalam kepada para pensyarah UniSZA khususnya, dan kepada pensyarah-pensyarah di institusi pengajian tinggi yang lain amnya, dalam mempertingkatkan lagi prestasi pengajaran melalui teknik-teknik pengajaran yang lebih efektif dan praktikal.

Di samping itu, antara kepentingan kajian ini juga, ia dapat membantu para pensyarah yang bertanggungjawab merangka dan menggubal kurikulum bahasa Arab dalam menyusun atur, memodifikasikan ataupun merombak kembali kurikulum yang sedia ada.



Setelah kesilapan-kesilapan sintaksis bahasa Arab khususnya frasa *al-idāfah*, yang dilakukan oleh pelajar dianalisis, hasil dapatan kajian ini akan merungkai segala kesukaran dan kerumitan yang dialami pelajar-pelajar UniSZA dalam menguasai frasa *al-idāfah*. Implikasinya, ia dapat menarik perhatian para pensyarah tentang pola kesilapan frasa *al-idāfah* yang berbeza-beza jenisnya, yang dilakukan oleh pelajar walaupun mereka telah mempelajari sintaksis bahasa Arab terlebih dahulu.

Sehubungan dengan itu, kajian ini juga berfaedah dalam penambahbaikan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab umumnya, dan dalam aspek frasa *al-idāfah* khususnya, sama ada berkaitan dengan teori-teori pengajaran dan pembelajaran, mahupun kaedah-kaedah pengajaran frasa yang efektif untuk para pelajar.

## **1.8 Batasan Kajian**

Kajian dibataskan dalam beberapa limitasi berikut: (1) Limitasi Bidang Kajian, (2) Limitasi Subjek Kajian, (3) Limitasi Lokasi Kajian, (4) Limitasi Instrumen Kajian.

### **1.8.1 Limitasi Bidang Kajian**

Kajian ini berada dalam limitasi ilmu *al-naḥw*, dan diperincikan lagi kepada aspek frasa sahaja. Frasa dalam bahasa Arab terdiri daripada frasa nama (*al-murakkab al-ismī*), frasa kerja (*al-murakkab al-fi'li*), dan juga frasa sendi nama (*al-murakkab al-jarrī*). Kajian dikhususkan lagi dengan hanya memilih salah satu frasa nama sahaja, iaitu frasa *al-idāfah* ataupun dikenali sebagai frasa aneksi (*al-murakkab al-idāfi*).

### **1.8.2 Limitasi Subjek Kajian**

Subjek kajian dibataskan kepada para pelajar Semester 6, jurusan pengajian Islam sahaja, daripada Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), kampus Gong Badak, yang diuji dengan set soalan ujian frasa *al-idāfah*. Seramai 186 orang responden kajian daripada populasi kajian, iaitu seramai 302 orang pelajar, telah dipilih secara rawak untuk membuat generalisasi keputusan kajian yang diperolehi daripada sampel kajian, kepada populasi kajian. Perbincangan mengenai pensampelan ini akan dibincangkan dengan lebih terperinci di dalam Bab Tiga: Metodologi Kajian nanti.

### **1.8.3 Limitasi Lokasi Kajian**

Kajian ini dijalankan di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), kampus Gong Badak, Terengganu. Kajian melibatkan satu fakulti sahaja di UniSZA, iaitu Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI).

### **1.8.4 Limitasi Instrumen Kajian**

Instrumen kajian ini hanya melibatkan ujian bertulis (kertas-pensil) sahaja. Data-data diperoleh melalui set soalan ujian frasa *al-idāfah* kepada para pelajar sahaja dan tidak melibatkan soal selidik kepada para pelajar ataupun para pensyarah. Ia juga terbatas kepada pengujian terhadap kemahiran bertulis sahaja dan tidak melibatkan kemahiran-kemahiran bahasa yang lain seperti kemahiran mendengar, kemahiran bertutur dan juga kemahiran membaca.

## **1.9 Kesimpulan**

Sebagai kesimpulannya, bab satu ini telah membincangkan komponen-komponen penting dalam kajian ini seperti latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, dan juga batasan kajian. Bagi memastikan bahasa Arab ini dapat dikuasai dengan baik, pengajaran kosa kata dan juga pengajaran mengenai kemahiran membina ayat mengikut struktur sintaksis yang betul merupakan di antara perkara utama yang perlu diberi pendekatan awal. Implikasi daripada hasil pendekatan ini, para pelajar dapat menguasai bahasa Arab dengan baik di samping memahami makna kosa kata dan juga frasa-frasa yang digunakan dalam membina sesuatu ayat.



## BIBLIOGRAFI

*Al-Qur'ān Al-Karīm.*

Abd. Rauf Hassan Azhari. (2010). Pemerolehan Buku Sintaksis Dan Morfologi Arab Melalui Media Internet. Dlm. Che Radiah Mezah, *Pengajaran Bahasa Arab—Himpunan Pedoman Buat Guru Dan Bakal Guru (Siri 1)–(75-90)*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Abdul Hakim Abdullah. (2008). Pengalaman Dan Hala Tuju Pengajaran Bahasa Dan Kesusasteraan Arab Di Universiti Darul Iman Malaysia: *Prosiding Seminar Pengajaran Bahasa Dan Kesusasteraan Arab Di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia—SEBAKA, Universiti Kebangsaan Malaysia, 22-23 Mac 2008*. Jabatan Pengajian Arab Dan Tamadun Islam, UKM: Selangor.

Abdul Hamid Abdullah & Embong Mohamad. (1993). Pendidikan Islam Di KUSZA: Masalah Dan Prospek. Dlm. Ismail Ab. Rahman, Abdul Aziz @ Ahmad Mohd. & Mohd. Yasin Muda, *Isu-Isu Pendidikan Islam Di Malaysia: Cabaran Dan Harapan–(210-217)*. Kuala Terengganu: Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin.

Abdullah Tahmin Abdul Latif. (2006). Suhūlat Al-Lughah Al-‘Arabiyah Wa Ba‘du Nasyātāt Ta‘allumihā. Dlm. Mohd. Rosdi Ismail & Mat Taib Pa, *Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Di Malaysia–(165-187)*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Abdul Salām, Ahmad Shehu . (2001). *Muqaddimah Fī ‘Ilm Al-Lughah Al-Taṭbīqī–Mauḍū‘at Mukhtārat Wa Qaḍāyā Islamiyyah*. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kuala Lumpur: Markāz Al-Buḥūth, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Abdul Wahab Zakaria. (1995). *Ṭuruq Ta‘līm Qawā‘id Al-Lughah Al-‘Arabiyyah Fī Al-Marḥalah Al-Thānawīyyah Bī Al-Ma‘had Al-Muḥammadī Bi Wilayat Kelantan–Mālīziya: Dirāsah Taḥlīliyyah Taqwīmiyyah*. Disertasi Ijazah Sarjana. Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia.

Abdul Wahab Zakaria. (1999). *Ma‘āyir Ikhtiyār Al-Tarākīb Al-Naḥwiyyah Al-Asāsiyyah Fī Ta‘līm Al-Lughah Al-‘Arabiyyah Bi Waṣfihā Lughah Thānīyah*. Tesis Ijazah Tinggi Doktor Falsafah. Assiut University & Oxford Academy, Republic of Egypt & United Kingdom.

- Ab. Halim Mohamad. (2002). *Pembelajaran Frasa Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Melayu: Satu Analisis Kesalahan*. Tesis Ijazah Tinggi Doktor Falsafah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ab. Halim Mohamad. (2008). Pengalaman Dan Hala Tuju Pengajaran Bahasa Dan Kesusasteraan Arab Di UPM: *Prosiding Seminar Pengajaran Bahasa Dan Kesusasteraan Arab Di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia-SEBAKA, Universiti Kebangsaan Malaysia, 22-23 Mac 2008*. Jabatan Pengajian Arab Dan Tamadun Islam, UKM: Selangor.
- Ab. Halim Mohamad. (2009). Kaedah Komunikatif Bersepadu Dalam Pengajaran Nahu Arab: *Prosiding Nadwah Bahasa Dan Kesusasteraan Arab Kedua, Universiti Putra Malaysia, 10-11 Oktober 2009*. Aslifa Sendirian Berhad: Kuala Lumpur.
- Ab. Halim Mohamad & Mohd. Zulkifli Ismail. (2009). Struktur Sintaksis Arab Dan Melayu: Satu Kajian Perbandingan Dari Aspek Penterjemahan: *Prosiding Nadwah Bahasa Dan Kesusasteraan Arab Kedua, Universiti Putra Malaysia, 10-11 Oktober 2009*. Aslifa Sendirian Berhad: Kuala Lumpur.
- Abu Khudairiyy, Arif Karkhū. (1994). *Ta'lim Al-Lughah Al-'Arabiyyah Li Ghair Al-'Arab: Dirāsah Fī Al-Manhaj Wa Ṭuruq Al-Tadrīs*. Qāherah: Dār Al-Thaqāfah.
- Ahmad Sunawari Long. (2006). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor: Jabatan Usuluddin Dan Falsafah Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Fārisī, Ibrahim Ahmad. (2001). *Al-Lughah Al-'Arabiyyah Li Aghrāḍ Akādimiyyah- Mabādi' Wa Uṣūl Al-Kitābah Al-Ibda'iyyah, Wa Al-Baḥthu Al-'ilm Bi Al-Lughah Al-'Arabiyyah*. Kuala Lumpur: Dār Al-Tajdīd.
- Al-Ghalāyīnī, Muṣṭafā. (2004). *Jāmi' Al-Durūs Al-'Arabiyyah*. Beirut: Dār Ehia Al-Tourāth Al-'Arabī.
- Al-Jārim, 'Ali & Āmin, Muṣṭafā. (1999). *Al-Naḥw Al-Wāḍiḥ Li Al-Marḥalah Al-Ibtidā'iyyah*. Qāherah: Dār Al-Ma'ārif.

Al-Jārim, ‘Ali & Āmin, Muṣṭafā. (2000). *Al-Naḥw Al-Waḍiḥ Li Madāris Al-Marḥalah Al-Thānawīyyah*. Qāherah: Dār Al-Ma‘ārif.

Al-Rājihī, ‘Abduh. (1988). *Al-Taṭbīq Al-Naḥwī*. Beirut: Dār Al-Naḥḍah Al-‘Arabiyyah.

Anzaruddin Ahmad. (2008). Masalah Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Nahu Bahasa Arab: Penyelesaiannya Dari Perspektif Dr. Mahdi Al-Makhzumi: *Prosiding Seminar Pengajaran Bahasa Dan Kesusasteraan Arab Di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia-SEBAKA, Universiti Kebangsaan Malaysia, 22-23 Mac 2008*. Jabatan Pengajian Arab Dan Tamadun Islam, UKM: Selangor.

Ashinida Aladdin. (1998). *Kekeliruan Antara Al-Idāfaṭ Dan Al-Na‘at Di Kalangan Pelajar Melayu*. Disertasi Ijazah Sarjana Bahasa Moden. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Babbie, E.R. (2001). *The Practice Of Social Research*. (Ed. ke-9). USA: Thompson Learning.

Che Radiah Mezah. (2006). *Analisis Kesilapan Leksikal Dalam Karangan Bahasa Arab*. Tesis Ijazah Tinggi Doktor Falsafah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Che Radiah Mezah. (2009). *Kesilapan Leksikal Dalam Pembelajaran Bahasa Arab*. Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Chua Yan Piaw. (2006a). *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan (Buku 1)*. Malaysia: Mc Graw Hill.

Chua Yan Piaw. (2006b). *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan (Buku 2)*. Malaysia: Mc Graw Hill.

Chua Yan Piaw. (2008). *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan (Buku 3)*. Malaysia: Mc Graw Hill.

Creswell, J.W. (1994). *Research Design: Qualitative & Quantitative Approaches*. California: Sage Publication Inc.

- Creswell, J.W. (2005). *Educational Research: Planning, Conducting, And Evaluating Quantitative And Qualitative Research*. (Ed. ke-2). New Jersey: Pearson Education Inc.
- El-Dahdah, Antoine. (1999). *Mu'jam Qawā'id Al-'Arabiyyah Al-'Ālamiyyah*. Beirut, Lubnan: Maktabah Lubnan.
- Faisal Othman. (1993). Pengajian Islam Di Pusat Pengajian Tinggi: Pengalaman Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Dlm. Ismail Ab. Rahman, Abdul Aziz @ Ahmad Mohd. & Mohd. Yasin Muda, *Isu-Isu Pendidikan Islam Di Malaysia: Cabaran Dan Harapan*-(210-217). Kuala Terengganu: Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin.
- Field, A. (2005). *Discovering Statistics Using SPSS (and sex, drug, and rock n roll)*. London: Sage Publications.
- Fraenkel, J.R. & Wallen, E. (1993). *How To Design And Evaluate Research In Education*. New York: McGraw Hill Inc.
- Halāwī, Mahmud Muṣṭafā. (1999). *Syarḥ Ibn 'Aqīl 'Ala Alfīyah Ibn Mālik*. Beirut, Lubnan: Dār Ehia Al-Tourāth Al-'Arabī.
- Hoinville, G. & Jowell, R. (1978). *Survey Research Practice*. London: Heinemann Educational Books.
- Ibrāhīm, Abd. 'Alīm. (1969). *Al-Naḥw Al-Waḏīfī*. Qāherah: Dār Al-Ma'ārif.
- Ishak Rejab. (1992). Masalah Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Di Malaysia. Dlm. Ismail Ab. Rahman, *Pendidikan Islam Di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jassem, Ali Jassem. (2000). *Study On Second Language Learners Of Arabic: An Error Analysis Approach*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur: A.S.Noordeen.
- Kamarul Shukri Mat Teh. (2009a). *Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama*. Tesis Ijazah Tinggi Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.

Kamarul Shukri Mat Teh. (2009b). Perbezaan Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab Antara Pelajar Cemerlang Dengan Pelajar Lemah Bahasa: *Prosiding Nadwah Bahasa Dan Kesusasteraan Arab Kedua, Universiti Putra Malaysia, 10-11 Oktober 2009*. Aslifa Sendirian Berhad: Kuala Lumpur.

\_\_\_\_\_. (2010). *Kamus Dewan*. (Ed. ke-4). Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Kerlinger, F.N. (1970). *Foundation Of Behavioral Research: Educational And Psychological Inquiry*. London: Rinehart & Winston.

Mahmud Muhammad & Zahrah Awang. (2001). *Namāzīj Fī Al-I'rāb*. Kuala Lumpur: Khazānah Faṭaniyyah.

Mat Taib Pa. (2006a). Dasar-Dasar Umum Pengajaran Bahasa Arab Di Malaysia. Dlm. Mohd. Rosdi Ismail & Mat Taib Pa, *Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Di Malaysia*-(1-14). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Mat Taib Pa. (2006b). Dasar-Dasar Utama Pengajaran Nahu Arab Di Malaysia. Dlm. Mohd. Rosdi Ismail & Mat Taib Pa, *Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Di Malaysia*-(15-26). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Mat Taib Pa. (2008). Isu-Isu Pengajaran Bahasa Dan Kesusasteraan Arab Di Institut Pengajian Tinggi: *Prosiding Seminar Pengajaran Bahasa Dan Kesusasteraan Arab Di Institut Pengajian Tinggi Malaysia–SEBAKA, Universiti Kebangsaan Malaysia, 22-23 Mac 2008*. Jabatan Pengajian Arab Dan Tamadun Islam, UKM: Selangor.

McMillan, J. & Schumacher, S. (1984). *Research In Education: A Conceptual Introduction*. Boston: Little, Brown and Company.

Mohamad Seman. (2008). Pengalaman Dan Hala Tuju Pengajaran Bahasa Dan Kesusasteraan Arab Di Universiti Malaya: *Prosiding Seminar Pengajaran Bahasa Dan Kesusasteraan Arab Di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia–SEBAKA, Universiti Kebangsaan Malaysia, 22-23 Mac 2008*. Jabatan Pengajian Arab Dan Tamadun Islam, UKM: Selangor.

- Mohd. Rafi Yaacob. (2011). *PASW (SPSS) Statistics 18 For Business And Social Science Students*. Kota Bharu: Aby Mutiara Resources.
- Mohd. Zaki Abd. Rahman & Che Radiah Mezah. (2010). *Ciri-ciri Bahasa Arab–Fonetik, Morfologi Dan Sintaksis*. Universiti Putra Malaysia, Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mughālasah, Maḥmud Ḥusnī. (2002). *Al-Naḥw Al-Syāfī*. Beirut, Lubnan: Muassasah Al-Risālah.
- Muhammad Fahmi Ahmad. (2003). *Tatabahasa Bahasa Arab*. Selangor: Percetakan Putrajaya.
- Muhammad Labib Ahmad. (1994). *Namāzīj Al-Ajwibah Li Asilat Imtiḥānāt Al-Shahādah Al-I'dādiyyah (SPM) Fī Al-Lughah Al-'Arabiyyah*. Kota Bharu, Kelantan: Pustaka Jasa Ilmu.
- Naimah Abdullah. (2010). Analisis Perbandingan Bahasa Sebagai Strategi Pengajaran Yang Berkesan. Dlm. Che Radiah Mezah, *Pengajaran Bahasa Arab–Himpunan Pedoman Buat Guru Dan Bakal Guru (Siri 1)*–(1-11). Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Neuman, W.L. (1993). *Social Research Methods: Qualitative And Quantitative Approaches*. Boston: Allyn and Bacon.
- Nik Farhan Mustapha. (2010). Mengaktifkan Maklumat Sedia Ada: Tips Pengajaran Membaca Yang Efektif Dan Praktikal. Dlm. Che Radiah Mezah, *Pengajaran Bahasa Arab–Himpunan Pedoman Buat Guru Dan Bakal Guru (Siri 1)*–(63-74). Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa & Abdul Hamid Mahmood. (1995). *Tatabahasa Dewan (Edisi Baharu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Malaysia: Mc Graw Hill.



- Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying & Sharifah Fakhriah Syed Ahmad. (2009). *Murid Dan Alam Belajar*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying, Sharifah Fakhriah Syed Ahmad & Zuraidah A. Majid. (2011). *Budaya Dan Pembelajaran*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying, Sharifah Fakhriah Syed Ahmad & Wan Kamaruddin Wan Hasan. (2012). *Teknologi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Norillah Abdullah Hassim. (2007). Tahlīl Al-Akhtā'. *Al-Şirāt-Jurnal Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS)*, 8:62-69.
- Pallant, J. (2001). *SPSS Survival Manual*. NSW: Allen & Unwin.
- Rosmawati212's Blog. It's All About Stats. & Methods. (2011). *Penentuan Saiz Sampel: Table For Determining Sample Size From A Given Population*. Dalam talian <http://rosma212.wordpress.com/2011/12/17/penentuan-saiz-sampel/>. (30 Ogos 2014).
- Rosni Samah. (2009). *Isu Pembelajaran Bahasa Arab Di Malaysia*. Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Saupi Man.(1992). *Tahlīl Al-Akhtā' Al-Lughawīyyah Bi Al-Markāz Al-I'dādī Fī Al-Jāmi'ah Al-Islāmiyyah Al-'Ālamiyyah Bi Mālīziya, Al-Mustawā Al-Mutaqaddim*. Disertasi Ijazah Sarjana. Ma'had Al-Khourtum Al-Daulī Li Al-Lughah Al-'Arabiyyah, Al-Khourtum.
- School Of Graduate Studies. (2009). *Guide To Thesis Preparation*. Universiti Putra Malaysia, Selangor: School Of Graduate Studies.
- School Of Graduate Studies. (2013). *Postgraduate Student's Guide-Thesis Preparation*. Universiti Putra Malaysia, Selangor: School Of Graduate Studies.
- Sieny, Mahmoud Esmail. (1982). I'dād Al-Mawād Al-Ta'līmiyyah Li Tadrīs Al-Lughah Al-'Arabiyyah, Ba'du Al-Usus Al-'Ammah. *Al-Dirāsāt-Majallat Kulliyyat Al-Tarbiyah, Jāmi'ah Al-Mulk Su'ud*, 4: 97-144.

Syāhin, Taufik Muḥammad. (1980). *‘Ilm Al-Lughah Al-‘Ām: Dirāsah Lughawiyah*. Qāherah: Dār Al-Taḍāmun.

Ṭu‘aimah, Rushdi Aḥmad. (1986). *Al-Marja‘ Fī Ta‘līm Al-Lughah Al-‘Arabiyah Li Al-Nātiqin Bi Lughah Ukhrā*. Jāmi‘ah Umm Al-Qura: Makkah Al-Mukarramah.

Universiti Darul Iman Malaysia. (2010). *Dalīl Al-Diplom*, Kulliyah Al-Dirāsah Al-Islamiyyah Al-Mu‘āshirah. Terengganu: Universiti Darul Iman Malaysia.

Universiti Sultan Zainal Abidin. (2010). *Panduan Prasiswazah (Sesi Akademik 2010/2011), Fakulti Pengajian Kontemporari Islam*. Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, Terengganu: Fakulti Pengajian Kontemporari Islam.

Wikipedia, Ensiklopedia Bebas. (2014). *Wikipedia: Transliterasi Arab-Rumi*. Dalam talian [http://ms.wikipedia.org/wiki/Wikipedia:Transliterasi\\_Arab-Rumi](http://ms.wikipedia.org/wiki/Wikipedia:Transliterasi_Arab-Rumi). (19 Ogos 2014).